

Hajiji Sambut Baik Hasrat PKS Bantu BN Pada PRU-13
Bernama
19 April , 2012

KOTA KINABALU, 19 April (Bernama) -- Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Datuk Hajiji Noor menyambut baik hasrat sebuah parti baru, Parti Kebenaran Sabah (PKS) untuk membantu parti komponen Barisan Nasional(BN) di Sabah pada pilihan raya umum ke-13 akan datang.

Hajiji yang juga Ketua Umno Tuaran berkata Umno dan BN mengalu-alukan mana-mana pihak atau parti baru yang bersedia membantu BN pada pilihan raya umum.

Penubuhan parti baru seperti PKS membuktikan perkembangan sihat terhadap ketelusan sistem demokrasi di negara ini yang memberi peluang rakyat bersuara dan turut serta dalam politik negara, katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

PKS yang kini aktif menarik ahli baru untuk mengembangkan parti itu di seluruh Sabah dilaporkan menyatakan parti itu akan membantu parti-parti di bawah BN yang bertanding di negeri ini pada pilihan raya umum akan datang.

Hajiji berkata PKS mungkin boleh memohon untuk menyertai BN memandangkan BN memiliki rekod kepimpinan yang dinamik di bawah Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di peringkat pusat dan Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman di peringkat negeri.

Terdahulu, beliau menyampaikan watakah pelantikan kepada enam Ahli Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah.

Dalam ucapannya, Hajiji menyarankan pihak Majlis melakukan transformasi yang proaktif dan kreatif dalam menyalurkan ilmu dan maklumat berguna kepada masyarakat ke arah memartabatkan institusi berkenaan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660315>